

20 OCT 1999

Abdullah-Jubli

BN SIAP SEDIA UNTUK SAMBUTAN JUBLI PERAK DI STADIUM BUKIT JALIL

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Segala persediaan telah dibuat bagi sambutan Jubli Perak Barisan Nasional (BN) di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada Ahad ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat bagi persiapan untuk sambutan itu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap di majlis itu yang akan bermula 7.30 malam.

Beliau berkata, pelbagai acara diadakan termasuk pertunjukkan kebudayaan, nyanyian patriotik oleh penyanyi tempatan dan ikrar sajak mengenai perjuangan BN.

"Inilah satu masa yang kita dapat memperingati 25 tahun kejayaan BN dan kita harap dapat melahirkan satu kesedaran di kalangan anggota BN tentang perjuangan yang kita akan teruskan," katanya selepas mempengerusi mesyuarat perayaan Jubli Perak BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri oleh pemimpin parti-parti komponen BN yang lain.

Beliau berkata, perhimpunan di Bukit Jalil ini akan dihadiri oleh anggota-anggota parti komponen BN dari negeri Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Selatan Perak dan Pahang barat.

Beliau berkata pada hari dan waktu yang sama semua negeri akan mengadakan program yang sama di ibu negeri masing-masing yang akan disusun sendiri oleh jawatankuasa BN masing-masing.

Beliau berkata sambutan ini juga terbuka kepada orang ramai dan akan disiarkan secara langsung menerusi televisyen.

Menurut beliau, acara-acara di Bukit Jalil ini akan turut dipancarkan menerusi lintas langsung ke semua pusat perayaan di peringkat negeri.

Perhimpunan di Bukit Jalil merupakan perhimpunan sebuah parti politik yang paling besar yang pernah dilakukan dalam sejarah negara ini selepas perhimpunan semasa Allahyarham Tunku Abdul Rahman Al Haj mengisytiharkan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

"Saya percaya tentu rakyat sendiri mahu mengikuti sambutan ini kerana sudah jadi satu hakikat dalam tempoh 25 tahun ini rakyat Malaysia telah terpengaruh dengan BN sebagai kerajaan ataupun parti politik," katanya.

-- BERNAMA

RV PR